



UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PENGGAL 16

**AKTA ORANG-ORANG YANG DIBERI
PERLINDUNGAN ANTARABANGSA**

UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

EDISI SEMAKAN

PENGGAL 16

ORANG-ORANG YANG DIBERI
PERLINDUNGAN ANTARABANGSA

PENYUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran pendek
 2. Serangan-serangan dan ancaman-ancaman ke atas orang-orang yang diberi perlindungan
 3. Persetujuan mendakwa
 4. Ekstradisi (Penyerahan Orang Salah)
-

AKTA ORANG-ORANG YANG DIBERI PERLINDUNGAN ANTARABANGSA

8 tahun 1982 **Satu Akta untuk melaksanakan Konvensyen mengenai dengan Pencegahan dan Hukuman Jenayah-Jenayah terhadap Orang-Orang Yang Diberi Perlindungan Antarabangsa yang dipakai oleh Dewan Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dalam tahun 1973.**

Permulaan kuatkuasa :

Gelaran
pendek

1. Akta ini boleh digelar sebagai Akta Orang-Orang Yang Diberi Perlindungan Antarabangsa, 1981, dan akan mula berkuatkuasa pada sesuatu tarikh yang Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh dengan Kenyataan dalam *Warta Kerajaan* menetapkan.

Serangan-
serangan
dan ancaman-
ancaman
ke atas
orang-
orang
yang diberi
perlindungan

2. (1) Jika seseorang itu sama ada warganegara Brunei Darussalam atau bukan, melakukan di luar Negara Brunei Darussalam :—

(a) sebarang perbuatan terhadap atau berhubung dengan seseorang yang diberi perlindungan yang mana, sekiranya dia telah melakukannya di mana-mana tempat di Negara Brunei Darussalam akan menjadikannya bersalah melakukan kesalahan bunuh orang, menyebabkan kematian yang tidak dianggap sebagai pembunuhan (culpable homicide not amounting to murder), rogol, menyebabkan kecederaan dengan sengaja, menculik, pengurungan yang salah (wrongful confinement) atau sesuatu kesalahan di bawah bab 322, 324, 326, 328, 361, 368 atau 369 dari Kanun Hukuman Jenayah ; atau

Penggal 22

(b) berkaitan dengan sesuatu serangan ke atas mana-mana bangunan (premises) yang berkenaan atau ke atas mana-mana kenderaan yang biasanya digunakan oleh seseorang yang diberi perlindungan yang dilakukan

bilamana seseorang yang diberi perlindungan berada di atas atau di dalam bangunan atau kenderaan itu, sebarang perbuatan yang, sekiranya dia telah melakukannya di mana-mana tempat di Negara Brunei Darussalam akan menjadikannya bersalah melakukan sesuatu kesalahan di bawah bab 324, 326, 435 atau 436 dari Kanun Hukuman Jenayah,

dia adalah di Negara Brunei Darussalam bersalah melakukan kesalahan-kesalahan yang disebutkan tadi yang mana perbuatan itu akan menjadikannya bersalah sekiranya dia telah melakukannya di sana.

(2) Jika seseorang itu di Negara Brunei Darussalam atau di tempat lain, sama ada warganegara Brunei atau bukan :—

(a) cuba melakukan sesuatu kesalahan yang, dengan kuatkuasa ceraian yang sebelum ini atau lain, menjadi kesalahan yang disebutkan dalam perenggan (a) dari ceraian itu terhadap seseorang yang diberi perlindungan atau kesalahan yang disebutkan dalam perenggan (b) dari ceraian itu berkaitan dengan sesuatu serangan yang disebutkan itu ; atau

(b) membantu atau bersubahat melakukan sesuatu kesalahan sedemikian atau sesuatu percubaan untuk melakukan kesalahan sedemikian,

dia adalah di Negara Brunei Darussalam bersalah mencuba untuk melakukan kesalahan berkenaan atau, yang mana satu berkenaan, membantu atau bersubahat melakukan kesalahan atau percubaan tersebut.

(3) Jika seseorang itu di Negara Brunei Darussalam atau di tempat lain, sama ada warganegara Brunei atau bukan :—

(a) membuat kepada seseorang lain sesuatu ancaman supaya mana-mana orang akan melakukan sesuatu perbuatan yang menjadi kesalahan yang disebutkan dalam perenggan (a) dari ceraiian yang sebelum ini ; atau

(b) cuba membuat atau membantu atau bersubahat membuat sesuatu ancaman sedemikian terhadap seseorang lain,

dengan tujuan supaya orang lain itu takut yang ancaman itu akan dijalankan, maka orang yang membuat ancaman itu atau, yang mana satu berkenaan, yang cuba membuatnya atau membantu atau bersubahat membuat ancaman tersebut adalah di Negara Brunei Darussalam bersalah dan boleh dikenakan jika didapati sabit kesalahannya hukum penjara selama 10 tahun dan tidak melebihi tempuh penjara terhadap mana seseorang itu akan boleh dikenakan bagi kesalahan yang dilakukan dengan melakukan perbuatan tersebut yang diancam di tempat di mana sabit kesalahan itu berlaku dan pada ketika kesalahan itu terhadap mana sabit kesalahan itu berkenaan.

(4) Bagi maksud-maksud ceraiian yang sebelum ini tidaklah mustahak sama ada seseorang itu tahu bahawa seseorang lain itu ialah seorang yang diberi perlindungan.

(5) Di dalam bab ini —

“perbuatan” termasuk peninggalan ;

“seseorang yang diberi perlindungan” bermakna, berhubung dengan sesuatu kesalahan yang dikatakan, mana-mana dari yang berikut, iaitu —

(a) seseorang yang pada ketika kesalahan yang dikatakan itu menjadi Ketua Negara, seseorang ahli dari sesebuah badan yang menunaikan tugas-tugas

Ketua Negara, seseorang Ketua Kerajaan atau seseorang Menteri bagi Hal Ehwal Luar Negeri dan berada di luar wilayah Negara itu dalam mana dia menyanggah jawatan itu ;

(b) seseorang yang pada ketika kesalahan yang dikatakan itu menjadi seorang wakil atau seorang pegawai sesebuah Negara atau seorang pegawai atau ajen sesebuah pertubuhan antarabangsa yang bersifat antara Kerajaan, yang berhak di bawah undang-undang antarabangsa mendapat perlindungan istimewa daripada serangan ke atas dirinya, kebebasannya atau kehormatannya dan tidak termasuk di dalam bidang makna perenggan yang sebelum ini ;

(c) seseorang yang pada ketika kesalahan yang dikatakan itu menjadi seorang ahli keluarga orang lain yang disebutkan dalam salah satu dari perenggan-perenggan yang sebelum ini dan —

- (i) jika orang lain itu ada disebutkan dalam perenggan (a) di atas, menyertainya,
- (ii) jika orang lain itu ada disebutkan dalam perenggan (b) di atas, seorang ahli dari rumahtangganya ;

“bangunan yang berkenaan” bermakna bangunan di mana seseorang yang diberi perlindungan itu diam atau tinggal atau yang seseorang yang diberi perlindungan itu menggunakan bagi maksud menjalankan tugas-tugasnya sebagai orang tersebut ; dan

“kenderaan” termasuk apa jua cara pengangkutan ; dan jika di dalam mana-mana perbicaraan sesuatu soal berbangkit tentang sama ada seseorang itu adalah atau telah menjadi seorang yang diberi perlindungan, maka sesuatu surat akuan yang dikeluarkan oleh atau dengan kebenaran Menteri dan menyatakan apa jua

kenyataan berhubung dengan soal tersebut adalah menjadi keterangan muktamad mengenai kenyataan itu.

Persetujuan
mendakwa

3. (1) Perbicaraan bagi sesuatu kesalahan yang bukan menjadi kesalahan selain dari bab yang sebelum ini tidak boleh dimulakan di Negara Brunei Darussalam kecuali oleh, atau dengan persetujuan Peguam Negara.

(2) Di dalam bab ini perkataan "Peguam Negara" termasuklah Peguamcara Negara.

Ekstradisi
(Penyerahan
Orang Salah)

Penggal 8

4. (1) Sesuatu kesalahan di bawah bab 2(3) (a) dari Akta hendaklah dianggap termasuk di dalam senarai jenayah-jenayah ekstradisi yang di dalam Jadual Pertama kepada Akta Ekstradisi.

(2) Jika tidak ada sebarang penyusunan sebagaimana yang disebutkan dalam bab 4 dari Akta Ekstradisi telah dibuat dengan sesebuah Negara yang menjadi sesuatu pihak kepada Konvensyen yang disebutkan dalam tajuk kepada Akta ini, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dalam Majlis Mesyuarat boleh dengan Perintah mengenakan Akta itu seolah-olah Konvensyen tersebut telah menjadi suatu penyusunan dengan Negara itu, tetapi jika Akta itu dikenakan dengan kuatkuasa ceraiian ini ianya adalah mempunyai kuatkuasa seperti mana yang dikenakan seolah-olah jenayah-jenayah ekstradisi yang termasuk di dalam bidang makna Akta itu hanyalah —

(a) sesuatu kesalahan yang disebutkan dalam perenggan (a) dari ceraiian (1) bab 2 dari Akta ini yang dilakukan terhadap seseorang yang diberi perlindungan dalam bidang makna bab itu ;

(b) sesuatu kesalahan yang disebutkan dalam perenggan (b) dari ceraiian bab itu yang dilakukan berkaitan dengan sesuatu serangan seperti mana yang disebutkan itu ;

(c) sesuatu percubaan untuk melakukan sesuatu kesalahan yang disebutkan dalam perenggan-perenggan yang sebelum ini ; dan

(d) sesuatu kesalahan di bawah bab 2(3) dari Akta ini.

(3) Bagi maksud-maksud Akta Ekstradisi sebarang perbuatan di mana-mana jua dilakukan, yang menjadi satu kesalahan yang disebutkan dalam ceraihan bab yang sebelum ini dan sesuatu kesalahan terhadap undang-undang mana-mana Negara dalam hal mana Akta itu dikenakan dengan sesuatu Perintah yang dibuat oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dalam Majlis Mesyuarat di bawah bab 4 dari Akta itu hendaklah dianggap sebagai satu kesalahan yang dilakukan dalam bidang kuasa Negara itu.